

PERMIT PERGERAKAN DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN) (PINDAAN) 2022

1. PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN (PINDAAN) 2022

- 1.1. Pada menjalankan kuasa yang diberikan pada Subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 (Akta 235), Menteri Kewangan Malaysia membuat perintah iaitu Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2022 yang mana berkuatkuasa pada 1 Jun 2022. Ini bermaksud apa-apa barang seperti dinyatakan di dalam perintah ini adalah dilarang melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kastam.
- 1.2. Sehubungan itu, setiap pemindahan atau pergerakan barangan bagi tujuan perdagangan tempatan seperti pada barangan pada Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2022 di antara Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Permit Pergerakan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebelum pemindahan atau pergerakan dilakukan.
- 1.3. Setiap Pergerakan barangan yang berduti/ cukai, tidak berduti / cukai atau telah dibayar duti / cukai seperti pada Jadual Pertama perintah tersebut di antara Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak hendaklah dengan menggunakan Borang Kastam No.3 / Borang Kastam No.8 / Borang Eksais No. 8A untuk pengangkutan laut atau udara dan perlu disertakan bersama kelulusan Permit Pergerakan.
- 1.4. Antara jenis-jenis barangan yang kerap atau biasa dihantar / dipindahkan sepertimana pada Jadual Pertama adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. Beras – beras biasa, beras wangi, basmati dan beras pulut;
 - 3.1.2. Beras hancur untuk tujuan makanan ternakan / haiwan;
 - 3.1.3. Rotan;
 - 3.1.4. Minyak kelapa sawit termasuk minyak masak;
 - 3.1.5. Marjerin;
 - 3.1.6. *Wine, brandy, whiskies, rum, gin, sake*;
 - 3.1.7. Rokok, cerut, cigar dan bahan tembakau; dan
 - 3.1.8. Produk petroleum (Pemohonan ke Cawangan Industri, Petroleum dan Gas).

- 1.5. Senarai penuh jenis / keterangan barang dan kod tarif yang terlibat sepertimana pada Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2022 adalah seperti pada pautan tersebut:-

[http://www.customs.gov.my/ms/pg/Perintah%20Kastam/PUA%20189-%20Perintah%20Kastam%20\(Larangan%20Pemindahan\)%20\(Pindaan\)%202022.pdf](http://www.customs.gov.my/ms/pg/Perintah%20Kastam/PUA%20189-%20Perintah%20Kastam%20(Larangan%20Pemindahan)%20(Pindaan)%202022.pdf)

2. PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN) 2014

- 2.1. Manakala, bagi pergerakan barang-barang (Haiwan/binatang hidup, bunga, dedaun serta tanaman) seperti pada Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2014 di antara Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak hendaklah mendapat kelulusan / kebenaran dari pihak berkuasa / agensi yang berkaitan. Sila rujuk pautan berikut untuk maklumat lanjut:

[http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputp/pua_20140121_P.U.%20\(A\)%2020_PERINTAH%20KASTAM%20\(LARANGAN%20PEMINDAHAN\)%202014.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputp/pua_20140121_P.U.%20(A)%2020_PERINTAH%20KASTAM%20(LARANGAN%20PEMINDAHAN)%202014.pdf)

3. PERMOHONAN PERMIT PERGERAKAN DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN) (PINDAAN) 2022

- 3.1. Permohonan kelulusan bagi pergerakan barang-barang di Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2022 hendaklah dikemukakan seperti berikut:

- 3.1.1. Pergerakan di antara Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak bagi barang-barang pada Jadual Pertama hendaklah dikemukakan kepada mana-mana Pejabat Kastam seperti berikut :-

3.1.1.1. Bahagian Perkastaman,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Putrajaya;

3.1.1.2. Pejabat Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah;

3.1.1.3. Pejabat Pengarah Kastam Negeri Sarawak; dan

3.1.1.4. Pejabat Pengarah Kastam, Wilayah Persekutuan Labuan.

3.2. Borang Permohonan

Semua permohonan bagi kelulusan pergerakan barang-barang di Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2022 di antara Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak, hendaklah menggunakan borang seperti format di **Lampiran A** iaitu **Permit Pergerakan Di Bawah Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2022**.

- 3.1.1. Borang permohonan dihantar di dalam enam (6) salinan. Tandatangani pemohon mestilah tandatangan yang asal bagi setiap salinan tersebut.
- 3.1.2. Borang permohonan tersebut hendaklah diisi selengkapnya oleh pemohon dengan memberi butir-butir yang betul.
- 3.1.3. Borang permohonan tersebut mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen seperti yang dinyatakan di Senarai Semak berikut:

Senarai Semak Permohonan Kelulusan/Permit Pergerakan Baru (Kali Pertama)

- i. Salinan Surat Pendaftaran Perniagaan atau Memorandum & Articles Of Association (M & A);
- ii. Lesen Import Rokok dan Minuman Keras atau Lesen Borong Minuman Keras yang mana Berkaitan;
- iii. Form 24 dan Form 49 jika Syarikat Berhad atau Sdn. Bhd. (ROB/ ROC);
- iv. Salinan Kad Pengenalan;
- v. Surat Kuasa untuk menandatangani borang sekiranya pemohon bukan pemilik syarikat atau ahli lembaga pengarah;
- vi. Mengemukakan Borang Permit Pergerakan dalam 6 salinan (tandatangan pemohon mestilah asal);
- vii. Salinan invoice berkaitan / Lesen Pengilangan ; dan

- viii. Salinan Borang Kastam No.1 / Borang Kastam No.3 / Borang Kastam No.8 / Borang Kastam No. 9 / Borang Eksais No.7 / Borang Eksais No.8.

Senarai Semak Permohonan Kelulusan/Permit Pergerakan (Permohonan Berikutnya)

- i. Mengemukakan Borang Permit Pergerakan dalam 6 salinan (tandatangan pemohon mestilah asal);
- ii. Lesen Import Rokok dan Minuman Keras atau Lesen Borong Minuman Keras yang mana Berkaitan sekiranya lesen yang telah dilampirkan terdahulu telah tamat tempoh;
- iii. Salinan asal kelulusan /permit pergerakan yang terdahulu;
- iv. Salinan Borang Kastam No.1 / Borang Kastam No.3 / Borang Kastam No.8 / Borang Kastam No. 9 / Borang Eksais No.7 / Borang Eksais No.8; dan
- v. Salinan invoice berkaitan / Lesen Pengilangan